



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWK)

ZULKIPLY RAMLI KETUA PENGARAH BAHARU JKM, NOORMAH RAUF TKP (OPERASI)

PUTRAJAYA, 25 Mac – Dato' Zulkiply Ramli dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang baharu menggantikan Dato' Norani Hashim berkuat kuasa 30 Mac ini.

Dato' Norani yang telah berkhidmat selama tiga tahun sejak 20 Julai 2012 sebagai Ketua Pengarah, bersara wajib berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

Zulkiply Ramli, 58, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat Tingkatan Biasa (B11) pada 30 Januari 1981 dan berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM sejak 1 September 2013.

Zulkiply juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S54 dan Ketua Penolong Pengarah JKM.

Pelantikan beliau dibuat berdasarkan prestasi serta pengalaman selama 34 tahun di JKM di samping pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki akan membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Jabatan.

Sementara itu, Noormah Dato' Haji Abdul Rauf, 59, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM menggantikan Dato' Zulkiply Ramli pada tarikh yang sama.

Noormah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau mula menyertai perkhidmatan awam sebagai Pembantu Kebajikan Masyarakat sejak 19 Februari 1977.

Diharapkan dengan pelantikan ini dapat membawa JKM ke satu dimensi baru dalam pengurusan hal ehwal kebajikan di Malaysia.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
60100, Putrajaya.
Tel : 03-83231087
E-mel:info@kpwkm.gov.my